

Program Penebusan NESTLÉ Whatsapp & Tebus RM5

TERMA DAN SYARAT

A: Jadual Syarat Penyertaan

Penganjur	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966)
Promosi	Program Penebusan NESTLÉ Whatsapp & Tebus RM5
Tempoh Promosi	Promosi ini bermula pada 00:00:00 pada 24 Jun 2021 dan ditutup pada 23:59:59 pada 25 Ogos 2021
Kelayakan	Promosi ini terbuka kepada semua individu yang bermastautin secara sah di Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
Kaedah Penyertaan	<p>Penyertaan Melalui WhatApp</p> <ol style="list-style-type: none"> Untuk menyertai Promosi ini, beli mana-mana produk bijirin sarapan Nestlé Gold & Fitnessse yang mengambil bahagian seperti yang disenaraikan dalam perenggan 5 di bawah ("Produk") bernilai minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00) ("Nilai Minimum") dalam satu resit atau kombinasi maksimum 2 resit dengan gabungan nilai belian minimum RM30.00 yang dikeluarkan oleh mana-mana cawangan Lotus's luar talian atau atas talian dalam tempoh Promosi ("Bukti Pembelian"). Hantar gambar yang jelas Bukti Pembelian melalui aplikasi WhatsApp ke 019-4082488 (Nombor WhatsApp Promosi) bersama-sama dengan butiran nama penuh (seperti MyKad), nombor MyKad, alamat email (jika ada) (contoh: Lee Mei Ling, 901120-14-4221, leeml@yahoo.com) ("Penyertaan"). Nombor WhatsApp yang digunakan untuk menyertai Promosi ini dianggap sebagai nombor sah untuk dihubungi sepanjang Tempoh Promosi dan sekiranya Peserta telah disahkan berjaya membuat penebusan maka, nombor ini juga akan digunakan untuk tujuan tuntutan/penghantaran Hadiah. (Nombor WhatsApp Penyertaan). Penyertaan tanpa alamat email masih diterima. Senarai Produk yang mengambil bahagian: <ol style="list-style-type: none"> NESTLÉ GOLD Cornflakes 275g NESTLÉ GOLD Cornflakes 500g NESTLÉ GOLD Honey Flakes 370g; NESTLÉ FITNESSSE FRUITS 450g NESTLÉ FITNESSSE ORIGINAL 375g NESTLÉ FITNESSSE HONEY & ALMOND 390g NESTLÉ FITNESSSE Cranberry & Pumpkin Seeds Granola Oats 300g NESTLÉ FITNESSSE Honey Granola Oats 300g Satu (1) nombor MyKad hanya layak untuk dua (2) penebusan yang sah sahaja sepanjang Tempoh Promosi.

	<p>7. Pihak Penganjur tidak akan menerima sebarang perubahan pada Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian. Resit bertulis tangan TIDAK akan diterima sebagai Bukti Pembelian. Untuk Pembelian melalui atas talian, hanya resit, invois atau nombor pesanan rasmi dagangan dengan status telah hantar diterima.</p> <p>8. Pendaftaran keahlian - setelah mengumpulkan alamat e-mel dari peserta (jika ada), penganjur berhak untuk menghantar transaksi komunikasi dan mengarahkan peserta untuk mendaftar sebagai ahli "Dear Nestlé".</p>
Tarikh Akhir Penyertaan	Setiap Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 hari terakhir pada Jadual Minggu Promosi seperti termaktub di bawah. Sebarang Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan terbatal secara automatik.
Perincian Pengesahan Penyertaan	<p>Pengesahan Penyertaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar jelas Bukti Pembelian yang menunjukkan Produk, nombor resit, tarikh pembelian, nilai pembelian dan nama cawangan atau kedai; 2. Nama dan Nombor MyKad 3. Kesahihan tarikh pembelian. 4. Tiada perubahan dilakukan pada resit dalam apa cara; nama kedai, barang belian, harga dan tarikh pembelian. 5. Tiada duplikasi resit 6. Resit tunggal atau maksimum kombinasi 2 resit dan dihantar secara serentak. 7. Hanya satu (1) Penebusan dibenarkan dalam satu (1) masa.
Penebusan	<p>Jadual Promosi</p> <p>Sebanyak 3,000 Pin Tambah Nilai Touch 'n GO eWallet bernilai RM5.00 (setiap satu) tersedia untuk Penebusan Sepanjang Tempoh Promosi seperti Jadual dibawah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • MINGGU 1 – 24 JUN 2021 – 4 JULAI 2021 • MINGGU 2 – 5 JULAI 2021 – 11 JULAI 2021 • MINGGU 3 – 12 JULAI 2021 – 18 JULAI 2021 • MINGGU 4 – 19 JULAI 2021 – 25 JULAI 2021 • MINGGU 5 – 26 JULAI 2021 – 1 OGOS 2021 • MINGGU 6 – 2 OGOS 2021 – 8 OGOS 2021 • MINGGU 7 – 9 OGOS 2021 – 15 OGOS 2021 • MINGGU 8 – 16 OGOS 2021 – 25 OGOS 2021 <p>Jumlah Penebusan akan dihadkan kepada 375 Pin Tambah Nilai Touch n' Go e-Wallet seminggu. Penyertaan yang diterima selepas had mingguan akan dibawa ke Minggu berikutnya untuk diproses secara automatik. Penyertaan akan dibuat berdasarkan 'first come first serve basis' dan tertakluk kepada pematuhan syarat mengikut terma dan syarat.</p>

	Maklumat mengenai Program Penebusan ini akan disiarkan di https://www.dearnestle.com.my/program-penebusan-whatsapp-tebus-lotuss
Tarikh Tuntutan/Serahan Penebusan	<p>Terdapat teks balasan yang dijana secara automatik bagi Setiap Penyertaan atau pertanyaan dari Nombor WhatsApp Promosi. Untuk setiap penebusan yang berjaya, Teks notifikasi akan dihantar dalam tempoh lima (5) hari bekerja bersama Pin Tambah Nilai Touch 'n Go melalui Whatsapp ke Nombor Whatsapp Penyertaan yang telah direkod oleh Penganjur.</p> <p>Bagi Penyertaan yang gagal, satu teks notifikasi bersama sebab kegagalan akan di hantar kepada peserta dalam tempoh lima (5) hari bekerja.</p> <p>Bagi penyertaan yang diterima selepas habis Had Mingguan, satu notifikasi akan dihantar kepada peserta memberitahu penyertaan akan diproses dalam minggu berikutnya dan teks notifikasi akan dihantar dalam tempoh lima (5) hari dari hari bermula minggu promosi yang baru.</p> <p>Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah Fasal ini atas alasan di luar kawalan Penganjur.</p> <p>Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pin tambah nilai Touch 'n GO eWallet tidak dapat dihantar kepada peserta sekiranya peserta menukar nombor WhatsApp penyertaan. Penganjur berhak tidak melayan tuntutan kepada perkara diatas.</p>
Terma Tambahan	<p>Pin Tambah Nilai Touch 'n GO eWallet hendaklah ditambahnilaikan melalui aplikasi mudah alih Touch 'n GO eWallet</p> <p>Para Pemenang dikehendaki mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Touch 'n GO berkenaan kod ini yang terdapat di https://support.tngdigital.com.my</p>

Jadual Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat-syarat Penyertaan dan Notis Privasi**, boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/program-penebusan-whatsapp-tebus-lotuss> secara kolektif dirujuk sebagai "**Terma dan Syarat**", dan akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga peserta yang sah, untuk peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda",).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai

maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung,

termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai "**Program Penebusan NESTLÉ Whatsapp & Tebus RM5**", Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice
- 12.2 By participating in the "**Program Penebusan NESTLÉ Whatsapp & Tebus RM5**", the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice